



PASUKAN perubatan menjalankan pembedahan mengeluarkan ikan pada kerongkong seorang lelaki. FOTO Agensi

Hm 4/6/2022 MS: 25

## ***Ikan tersangkut di kerongkong***

**Bangkok:** Doktor di sebuah hospital Thailand kebingungan ketika mengendalikan kes seorang lelaki tertelan ikan pada kerongkongnya.

Memetik portal New York Post, ikan itu melompat dari air sebelum tersangkut pada kerongkong pesakit itu ketika lelaki itu memancing di wilayah Phatthalung pada 22 Mei lalu.

Keadaan menjadi lebih serius selepas ikan air tawar bersaiz 12.7 sentimeter yang tersangkut pada kerongkongnya itu menyebabkan dia sukar bernafas.

Sukarelawan yang menyedari keadaan lelaki, membawanya ke hospital.

Pemeriksaan sinar X menunjukkan seekor ikan air tawar berdiri yang dikenali sebagai Anabas tersangkut di antara tekak dan rongga hidung lelaki itu.

Nasib menyebelahi lelaki itu apabila ter-

selamat selepas pasukan perubatan berjaya mengeluarkan ikan berlumuran darah itu menerusi pembedahan yang dijalankan selama sejam.

Pegawai perubatan hospital yang merawat lelaki itu, Sermsri Pathompanichrat menyifatkan kes itu jarang berlaku.

“Saya tak pernah tengok kes macam ini sebelum ini.

“Doktor kami bekerja keras untuk mengurangkan kerosakan pada organ pesakit.

“Akhirnya mereka berjaya menyelamatkan lelaki itu dan dia kini semakin pulih,” katanya kepada Viral Press.



**IKAN yang tersangkut pada kerongkong seorang lelaki.**